

Ulama politik kelirukan rakyat

BH 21 APR 2002

RAUB: Rakyat diingatkan tidak mudah terpedaya dengan pandangan ulama politik yang memperbesarkan slogan hidup di dunia ini bersifat sementara sehingga segala usaha pembangunan tidak diperlukan.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Azmi Khalid, berkata ketua pemimpin Pas yang sering menyatakan kemiskinan di dunia dayat ditebus dengan kekayaan di akhirat membuktikan dunia hari ini sedang dikelirukan oleh ulama yang berpandangan sempit.

Menurutnya, rakyat seharusnya sedar bahawa ulama mempunyai pendapat berbeza-beza, bergantung kepada ilmu mereka.

“Ramai ulama terlalu taksab sehingga menjurus semata-mata ke arah akhirat sehingga mengkafirkan pemimpin Umno, selain menyebarkan fatwa negatif yang merugikan umat Islam sendiri,” katanya merasmikan persidangan Perwakilan Umno Bahagian Raub, di Dewan Jubli Perak, Majlis Daerah Raub, di sini, semalam.

Azmi yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, banyak tragedi di peringkat antarabangsa menunjukkan umat Islam kalah dalam perjuangan dan imej mereka tercalar disebabkan negara Islam tidak bersatu, selain gagal menguasai bidang teknologi.

Beliau memberi contoh bagaimana Yahudi berjaya menguasai d&a bukan disebabkan negara mereka kaya, tapi penguasaan mereka dalam pelbagai bidang menyebabkan rakyatnya setanding negara besar.

Menurutnya, penekanan bidang ilmu dan konsep kesederhanaan yang dilaksanakan di Malaysia adalah contoh terbaik sehingga suara pemimpin negara didengar negara lain, khususnya di kalangan negara membangun.

“Misalnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersuara lantang bukan saja di Malaysia, malah mewakili negara Islam dalam beberapa persidangan peringkat dunia,” katanya.